



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 52
No. 17

18hb Ogos 2008

*TAMBAHAN No. 87
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 274.

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN 1965

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (PENGGREDAKAN, PEMBUGKUSAN DAN PELABELAN
KELUARAN PERTANIAN) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 12 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008**.

Pemakaian

2. Kecuali bagi maksud-maksud peraturan 13 dan 14, Peraturan-Peraturan ini hanya terpakai bagi keluaran pertanian yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dalam bentuk mentah.

Tafsiran**3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—**

“Lembaga” ertinya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 yang ditubuhkan di bawah Akta;

“negara asal” ertinya negara tempat mana-mana keluaran pertanian ditanam;

“standard gred” ertinya standard gred bagi keluaran pertanian sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4.

BAHAGIAN II**STANDARD GRED, BUNGKUSAN DAN LABEL****Standard gred keluaran pertanian****4. Keluaran pertanian hendaklah digred—**

- (a) mengikut standard gred yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (b) berkenaan dengan mana-mana keluaran pertanian yang grednya tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua, mengikut standard gred yang dinyatakan oleh negara asal keluaran pertanian itu; dan
- (c) berkenaan dengan mana-mana keluaran pertanian yang grednya tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua mahupun oleh negara asal, mengikut standard gred yang dinyatakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Bungkusan keluaran pertanian**5. Suatu bungkusan keluaran pertanian—**

- (a) hendaklah mempunyai ukuran yang boleh menampung dengan secukupnya kuantiti keluaran pertanian yang dibungkus;
- (b) hendaklah mengandungi keluaran pertanian daripada jenis dan standard gred yang sama;
- (c) tidak boleh melebihi tiga puluh kilogram;
- (d) hendaklah memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan supaya dapat memberi perlindungan yang maksimum daripada apa-apa kerosakan kepada keluaran pertanian semasa pengendalian dan pengangkutannya; dan
- (e) hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak menyebabkan kerosakan kepada bentuk dan menjaskan kualiti, keluaran pertanian.

Label keluaran pertanian

6. (1) Suatu label yang ditanda pada suatu bungkusan keluaran pertanian atau pada apa-apa benda yang dilekatkan pada suatu bungkusan keluaran pertanian—

- (a) hendaklah bersaiz tidak kurang daripada 11 sentimeter kali 7 sentimeter;
- (b) hendaklah ditanda dengan kemas dan mudah dilihat di permukaan sebelah atas atau sisi bungkusan; dan
- (c) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:
 - (i) nama dan alamat perniagaan pengimport, pengeksport, ejen, pengeluar atau pengedar, mengikut mana-mana yang berkenaan, keluaran pertanian;
 - (ii) nama biasa keluaran pertanian;
 - (iii) standard gred keluaran pertanian;
 - (iv) saiz keluaran pertanian;
 - (v) negara asal keluaran pertanian;
 - (vi) berat bungkusan keluaran pertanian; dan
 - (vii) perkataan “*Produce of Malaysia*”, jika berkenaan, jika keluaran pertanian itu untuk eksport.

(2) Butir-butir yang disebut dalam perenggan (1)(c) hendaklah ditandakan mengikut cara yang berikut supaya mudah dibaca dan tahan lama:

- (a) dalam penghurufan yang tidak kecil daripada 20 poin—
 - (i) dalam huruf besar kesemuanya atau huruf kecil kesemuanya atau huruf kecil yang huruf awalnya dalam huruf besar;
 - (ii) dalam warna yang kontras dengan latar belakangnya; dan
 - (iii) muka taip hendaklah sama bagi tiap-tiap perkataan;
- (b) jika keluaran pertanian itu bagi pasaran domestik, dalam bahasa kebangsaan dan boleh termasuk apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa lain;
- (c) jika keluaran pertanian itu untuk eksport, dalam bahasa Inggeris dan boleh termasuk apa-apa terjemahan dalam apa-apa bahasa lain; dan
- (d) jika keluaran pertanian itu diimport, dalam bahasa kebangsaan.

BAHAGIAN III**PENGEKSPORTAN KELUARAN PERTANIAN****Pengeksportan keluaran pertanian**

7. Mana-mana pengeksport yang hendak mengeksport apa-apa keluaran pertanian hendaklah memastikan bahawa keluaran pertanian itu—

- (a) digred mengikut kehendak di bawah peraturan 4;
- (b) dibungkus mengikut—
 - (i) kehendak di bawah peraturan 5; dan
 - (ii) apa-apa kehendak pembungkusan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara pengimport, jika ada; dan
- (c) dilabel mengikut kehendak di bawah peraturan 6.

Pemeriksaan pematuhan keluaran pertanian untuk eksport

8. (1) Tiada seorang pun pengeksport boleh mengeksport apa-apa keluaran pertanian sebelum Lembaga menjalankan pemeriksaan pematuhan ke atas keluaran pertanian itu.

(2) Pemeriksaan pematuhan dijalankan oleh Lembaga ke atas keluaran pertanian untuk memastikan bahawa keluaran pertanian itu mematuhi kehendak-kehendak penggredan, pembungkusan dan pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pemeriksaan pematuhan di bawah peraturan ini boleh dijalankan oleh Lembaga—

- (a) di mana-mana premis yang diurus oleh Lembaga; atau
- (b) di premis pengeksport, atas permintaan pengeksport.

(4) Hari dan masa bagi pemeriksaan pematuhan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(5) Jika Lembaga berpuas hati bahawa pengeksport telah mematuhi semua kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini, Lembaga hendaklah mengeluarkan perakuan pematuhan dalam Jadual Kelima apabila dibayar fi dan bayaran lain yang dinyatakan dalam Bahagian 1, 2 atau 3 Jadual Keempat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Pengeksport yang keluaran pertaniannya telah menjalani pemeriksaan pematuhan di mana-mana premis yang diurus oleh Lembaga hendaklah mengalihkan keluaran pertaniannya itu dari premis tersebut dalam apa-apa masa yang dinyatakan oleh Lembaga.

(7) Jika pengeksport itu gagal untuk mengalihkan keluaran pertanian itu dalam masa yang dinyatakan itu, Lembaga boleh memusnahkan atau melupuskan atau menyebabkan dimusnahkan atau dilupuskan keluaran pertanian itu dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga dan semua perbelanjaan yang dilakukan hendaklah dibayar balik oleh pengeksport.

(8) Mana-mana pengeksport yang mengeksport keluaran pertanian tanpa perakuan pematuhan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(9) Mana-mana pengeksport yang melakukan kesalahan di bawah subperaturan (8), sama ada atau tidak apa-apa pendakwaan dimulakan terhadapnya dan sama ada atau tidak dia telah disabitkan, yang tidak mematuhi kehendak di bawah perenggan 7(a), (b) atau (c) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

PENGIMPORTAN KELUARAN PERTANIAN

Pengimportan keluaran pertanian

9. Mana-mana pengimport yang hendak mengimport apa-apa keluaran pertanian hendaklah memastikan bahawa keluaran pertanian itu—

- (a) digred mengikut kehendak di bawah peraturan 4;
- (b) dibungkus mengikut kehendak di bawah peraturan 5; dan
- (c) dilabel mengikut kehendak di bawah peraturan 6.

Pemeriksaan pematuhan keluaran pertanian yang diimport

10. (1) Tiada seorang pun pengimport boleh mengimport apa-apa keluaran pertanian sebelum Lembaga membuat pemeriksaan pematuhan ke atas keluaran pertanian itu.

(2) Pemeriksaan pematuhan dijalankan oleh Lembaga ke atas keluaran pertanian untuk memastikan bahawa keluaran pertanian itu mematuhi kehendak-kehendak penggredan, pembungkusan dan pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Lembaga boleh menjalankan pemeriksaan pematuhan di bawah peraturan ini di mana-mana depo kelepasan dalaman, gudang kastam, gudang berlesen, atau premis atau mana-mana bahagian mana-mana premis yang diurus oleh Lembaga atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa.

(4) Hari dan masa bagi pemeriksaan pematuhan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(5) Jika Lembaga berpuas hati bahawa pengimport telah mematuhi semua kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini, Lembaga hendaklah mengeluarkan perakuan pematuhan dalam Jadual Kelima apabila dibayar fi dan bayaran lain yang dinyatakan dalam Bahagian 1, 2 atau 3 Jadual Keempat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Pengimport yang keluaran pertaniannya telah menjalani pemeriksaan pematuhan hendaklah mengalihkan keluaran pertaniannya itu dari tempat pemeriksaan dalam apa-apa masa yang dinyatakan oleh Lembaga.

(7) Jika pengimport itu gagal untuk mengalihkan keluaran pertanian itu dalam masa yang dinyatakan itu, Lembaga boleh memusnahkan atau melupuskan atau menyebabkan dimusnahkan atau dilupuskan keluaran pertanian itu dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga dan semua perbelanjaan yang dilakukan hendaklah dibayar balik oleh pengimport.

(8) Mana-mana pengimport yang mengimport apa-apa keluaran pertanian tanpa perakuan pematuhan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(9) Mana-mana pengimport yang melakukan kesalahan di bawah subperaturan (8), sama ada atau tidak apa-apa pendakwaan dimulakan terhadapnya dan sama ada atau tidak dia telah disabitkan, yang tidak mematuhi kehendak di bawah perenggan 9(a), (b) atau (c) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(10) Bagi maksud subperaturan (3), “depo kelepasan dalaman”, “gudang kastam” dan “gudang berlesen” hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [Akta 235].

BAHAGIAN V

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN KELUARAN PERTANIAN

Penjualan keluaran pertanian secara borong

11. (1) Mana-mana orang yang hendak menjual keluaran pertanian secara borong hendaklah memastikan bahawa keluaran pertanian itu—

- (a) digred mengikut kehendak di bawah peraturan 4;
- (b) dibungkus mengikut kehendak di bawah peraturan 5; dan
- (c) dilabel mengikut kehendak di bawah peraturan 6.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penjualan keluaran pertanian secara runcit

12. (1) Mana-mana orang yang hendak menjual keluaran pertanian secara runcit hendaklah memastikan bahawa keluaran pertanian itu—

- (a) digred mengikut kehendak di bawah peraturan 4;
- (b) dibungkus mengikut kehendak di bawah peraturan 5; dan
- (c) dilabel mengikut kehendak di bawah peraturan 6, kecuali butir-butir yang ditanda pada label itu hendaklah dalam penghurufan yang tidak kecil daripada 2 poin.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b) dan (1)(c), mana-mana keluaran pertanian boleh dipamerkan atau ditawarkan untuk jualan, tanpa dibungkus, dan dalam hal mana-mana keluaran pertanian yang dipamerkan atau ditawarkan untuk jualan, tanpa dibungkus, butir-butir yang berikut hendaklah dipamerkan berdekatan dengan keluaran pertanian itu:

- (a) nama biasa keluaran pertanian;
- (b) standard gred keluaran pertanian;
- (c) saiz keluaran pertanian; dan
- (d) negara asal keluaran pertanian.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.

BAHAGIAN VI

AM

Menggunakan semula bungkusan

13. (1) Mana-mana orang yang hendak menggunakan semula bagi apa-apa keluaran pertanian apa-apa bungkusan yang telah ditanda padanya, atau yang telah dilekatkan padanya apa-apa benda yang mengandungi, apa-apa label apa-apa keluaran pertanian lain, hendaklah memadamkan atau menanggalkan label itu sebelum menggunakan semula bungkusan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.

Kesalahan berkaitan tempat asal

14. Mana-mana orang yang menggunakan atau meletakkan suatu label yang menggambarkan bahawa suatu keluaran pertanian tertentu berasal dari suatu tempat tertentu, atau mengaitkan suatu keluaran pertanian tertentu dengan

suatu tempat tertentu, yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

15. Mana-mana pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dihukum di bawah seksyen 25 Akta.

JADUAL PERTAMA (Peraturan 2)

KELUARAN PERTANIAN

Nama biasa	Nama botani
SAYUR SEGAR	
Asam susur	<i>Hibiscus sabdariffa</i> L.
Asparagus	<i>Asparagus officinalis</i>
Batang keladi	<i>Colocasia esculenta</i>
Bawang	<i>Allium cepa</i> L.
Bayam cina	<i>Amaranthus</i> sp.
Bendi	<i>Hibiscus esculentus</i> L.
Brokoli	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>italica</i>
Cekur manis	<i>Sauvagesia androgynus</i>
Cendawan tiram	<i>Pleurotus</i> sp.
Cili	<i>Capsicum annuum</i>
Cili sayur	<i>Capsicum annuum</i> L. var. <i>grossum</i>
Daun bawang	<i>Allium fistulosum</i> L.
Daun ketumbar	<i>Coriandrum sativum</i>
Daun saderi	<i>Apium graveolens</i> L.
Halia	<i>Zingiber officinale</i> Roscoe
Jagung	<i>Zea mays</i> L.
Jering	<i>Archidendron jiringa</i>
Kacang botor	<i>Psophocarpus tetragonolobus</i>
Kacang buncis	<i>Phaseolus vulgaris</i> L.
Kacang panjang	<i>Vigna sesquipedalis</i> L. Fraw
Kacang panjang renek	<i>Vigna unguiculata</i> sub. sp. <i>unguiculata</i>
Kacang serinding	<i>Phaseolus lunatus</i>
Kacang soya hijau	<i>Glycine max</i> C.
Kacang wangi	<i>Pisum sativum</i> Linn. var. <i>saccharatum</i>
Kailan	<i>Brassica alboglabra</i> Bailey
Kangkung	<i>Ipomoea aquatica</i>
Kantan	<i>Phaeomeria speciosa</i>
Kauki	<i>Lycium chinense</i> L.
Ketola	<i>Luffa acutangula</i>
Kubis	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>capitata</i>
Kubis bulat	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>capitata</i> Linn
Kubis cina	<i>Brassica campestris</i> L. ssp <i>pekinensis</i>
Kucai	<i>Allium tuberosum</i>
Kundur	<i>Benincasa hispida</i>
Kunyit	<i>Curcuma domestica</i> Val.
Labu	<i>Cucurbita</i> spp.

Nama biasa	Nama botani
Lada besar	<i>Capsicum annum</i> L.
Lengkuas	<i>Languas galanga</i>
Lekio	<i>Allium apmeloprasum</i> var. <i>porrum</i>
Lobak merah	<i>Daucus carota</i> L.
Lobak putih	<i>Raphanus sativus</i> L.
Maman	<i>Cleome gynandra</i> L.
Tike	<i>Eleocharis dulcis</i>
Mengkudu besar	<i>Morinda citrifolia</i> L.
Pasli	<i>Petroselinum crispum</i> var. <i>tuberosum</i>
Pegaga	<i>Centella asiatica</i> L.
Peria	<i>Momordica charantia</i> L.
Petai	<i>Parkia speciosa</i>
Pucuk paku	<i>Athyrium esculentum</i>
Pudina	<i>Mentha</i> sp.
Rebung	<i>Bambusa</i> spp.
Remayung	<i>Basella alba</i> L.
Salad bulat	<i>Lactuca sativa</i> L.
Sawi	<i>Brassica</i> sp.
Selada air	<i>Nasturtium officinale</i>
Sengkuang	<i>Pachyrrhizus erosus</i> (L) urban
Serai	<i>Cymbopogon citratus</i>
Bayam (<i>poh choy</i>)	<i>Spinacia oleracea</i> L.
Taugeh	<i>Phaseolus aureus</i>
Teratai	<i>Nelumbo nucifera</i>
Terung	<i>Solanum melongena</i>
Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.
Tomato	<i>Lycopersicum esculentum</i> Mill.
Tongho	<i>Leucanthemum coronarium</i>
Turnip	<i>Brassica rapa</i> Rapifera group
Ubi bit	<i>Beta vulgaris</i> L.
Ubi kayu	<i>Manihot esculenta</i>
Ubi keladi	<i>Colocasia esculenta</i>
Ubi keledek	<i>Ipomoea batatas</i>
Ubi kentang	<i>Solanum tuberosum</i> Linn
Ulam raja	<i>Cosmos caudatus</i> Kunth
BUAH-BUAHAN SEGAR	
Anggur	<i>Vitis vinifera</i>
Aprikot	<i>Prunus armeniaca</i>
Avokado	<i>Persea americana</i>
Bacang	<i>Mangifera foetida</i>
Belimbing	<i>Averrhoa carambola</i> L.
Betik	<i>Carica papaya</i>
Betik (eksotika)	<i>Carica papaya</i> L. var. Eksotika
Bidara	<i>Zizyphus maurititia</i>
Cempedak	<i>Artocarpus chempedan</i> Spreng
Ceri	<i>Prunus avium</i>
Ciku	<i>Achras sapota</i>
Delima	<i>Punica granatum</i>
Dokong	<i>Lansium domesticum</i>
Duku	<i>Lansium domesticum</i>
Duku langsat	<i>Lansium domesticum</i>
Durian	<i>Durio zibethinus</i> Murr.
Durian belanda	<i>Annona muricata</i> L.
Epal	<i>Malus pumila</i>
Jambu air	<i>Syzygium aqueum</i>
Jambu batu	<i>Psidium guajava</i> L.
Jambu bol	<i>Syzygium malaccensis</i>
Kedondong	<i>Spondias cytherea</i>

Nama biasa	Nama botani
Kismis Kuini Kundang Kurma Laici Langsat Limau Limau mandarin Lokuat Mangga Manggis Markisa Mata kucing Nangka Nona Oren Pala Pear Pic Pisang Pisang kaki Pisang mas Pitaya Plum Pulasan Rambai Rambutan Strawberi Salak Sukun Tembikai Tembikai wangi	<i>Vitis vinifera</i> <i>Mangifera odorata</i> <i>Bouea macrophylla</i> <i>Phonex dactylifera</i> <i>Litchi chinensis</i> Sonn. <i>Lansium domesticum</i> <i>Citrus sp</i> <i>Citrus reticulata</i> <i>Eriobotrya japonica</i> <i>Mangifera indica</i> Linn <i>Garcinia mangostana</i> <i>Passiflora edulis</i> <i>Dimocarpus longan</i> <i>Artocarpus heterophyllus</i> Lam <i>Annona reticulata</i> <i>Citrus sp</i> <i>Myristica fragrans</i> <i>Pyrus sp.</i> <i>Prunus persica</i> <i>Musa sapientum</i> <i>Diospyros kaki linn</i> <i>Musa sapientum</i> cv. mas <i>Hylocereus undatus</i> <i>Prunus domestica</i> <i>Nephelium ramboutan - ake</i> <i>Baccaurea motleyana</i> <i>Nephelium lappaceum</i> <i>Fragaria x ananassa</i> <i>Salacca edulis</i> <i>Artocarpus communis</i> <i>Citrullus vulgaris</i> Schard <i>Cucumis melo</i> Linn
KERATAN BUNGA SEGAR	
Kekwa (multiflora) Orkid (jenis jambak) Ros (uniflora) Ros (multiflora) Teluki (uniflora) Teluki (multiflora)	<i>Chrysanthemum morifolium</i> Keluarga <i>Orchidaceae</i> Genus <i>Rosa</i> Genus <i>Rosa</i> <i>Dianthus caryophyllus</i> <i>Dianthus caryophyllus</i>
KEKACANG	
Kacang tanah (berkulit) Kacang tanah (isi)	<i>Arachis hypogaea</i> <i>Arachis hypogaea</i>
KEKERAS	
Kelapa	<i>Cocos nucifera</i>
BIJIRIN	
Biji kopi	<i>Coffea arabica</i> L.
LAIN-LAIN	
Tebu	<i>Saccharum</i> L.

JADUAL KEDUA
(Peraturan 4)

STANDARD GRED KELUARAN PERTANIAN

Keluaran Pertanian		
Nama biasa (1)	Nama botani (2)	Standard gred (3)
SAYUR SEGAR		
Bendi	<i>Hibiscus esculentus</i> L.	MS 1230 : 1991
Cili	<i>Capsicum annuum</i>	MS 894 : 1984
Cili sayur	<i>Capsicum annuum</i> L. var. <i>grossum</i>	MS 1124 : 1996
Halia	<i>Zingiber officinale</i> Roscoe	MS 1306 : 2005
Kacang buncis	<i>Phaseolus vulgaris</i> L.	MS 1252 : 1992
Kacang panjang	<i>Vigna sesquipedalis</i> L. Fraw.	MS 951 : 2003
Kailan	<i>Brassica alboglabra</i> Bailey	MS 1324 : 1993
Kubis bulat	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>capitata</i> Linn	MS 892 : 2004
Kubis cina	<i>Brassica campestris</i> L. ssp <i>pekinensis</i> (Lour) Olsson	MS 1393 : 1996
Peria	<i>Momordica charantia</i> L.	MS 1146 : 1989
Salad bulat	<i>Lactuca sativa</i> L.	MS 1361 : 1994
Sawi	<i>Brassica</i> sp.	MS 1323 : 1993
Bayam (<i>poh choy</i>)	<i>Spinacia oleracea</i> L.	MS 1362 : 1994
Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.	MS 956 : 2003
Tomato	<i>Lycopersicum esculentum</i> Mill.	MS 893 : 2003
BUAH-BUAHAN SEGAR		
Belimbing	<i>Averrhoa carambola</i> L.	MS 1127 : 2002
Betik	<i>Carica papaya</i>	MS 1040 : 1986
Betik (eksotika)	<i>Carica papaya</i> L. var. Eksotika	MS 1145 : 2003
Jambu batu	<i>Psidium guajava</i> L.	MS 1149 : 1989
Limau mandarin (domestik)	<i>Citrus reticulata</i>	MS 232 : 1974
Mangga	<i>Mangifera indica</i> Linn	MS 885 : 1984
Manggis	<i>Garcinia mangostana</i>	MS 1128 : 1989
Nangka	<i>Artocarpus heterophyllus</i> Lam	MS 1055 : 1986

Keluaran Pertanian		
Nama biasa (1)	Nama botani (2)	Standard gred (3)
Pisang	<i>Musa sapientum</i>	MS 459 : 1976
Pisang mas	<i>Musa sapientum</i> cv. mas	MS 1075 : 1987
Tembikai	<i>Citrullus vulgaris</i> Schard	MS 1028 : 1986
Tembikai wangi	<i>Cucumis melo</i> Linn	MS 1325 : 1993
KERATAN BUNGA SEGAR		
Kekwa (multiflora)	<i>Chrysanthemum morifolium</i>	MS 1354 : 1994
Orkid (jenis jambak)	Keluarga <i>Orchidacea</i>	MS 1280 : 1992
Ros (uniflora)	Genus <i>Rosa</i>	MS 1233 : 1991
Ros (multiflora)	Genus <i>Rosa</i>	MS 1355 : 1994
Teluki (uniflora)	<i>Dianthus caryophyllus</i>	MS 1281 : 1992
Teluki (multiflora)	<i>Dianthus caryophyllus</i>	MS 1353 : 1994
KEKACANG		
Kacang tanah (isi)	<i>Arachis hypogaeo</i>	MS 457 : 1976
Kacang tanah (berkulit)	<i>Arachis hypogaeo</i>	MS 458 : 1976

JADUAL KETIGA
(Peraturan 8 dan 10)

TEMPAT, HARI DAN MASA PEMERIKSAAN PEMATUHAN

Tempat pemeriksaan (1)	Hari (2)	Masa (3)
1. Di mana-mana premis yang diuruskan oleh Lembaga	(a) Hari bekerja Lembaga (b) Hari kelepasan mingguan atau am	(a) 9.00 pagi – 11.00 malam (b) 11.00 pagi – 11.00 malam
2. Di premis pengekspor	Hari bekerja Lembaga	9.00 pagi – 5.00 petang
3. Di mana-mana tempat yang disebut dalam subperaturan 10(3) selain premis yang diurus oleh Lembaga atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa	(a) Hari bekerja Lembaga (b) Hari kelepasan mingguan atau am	(a) 9.00 pagi – 5.00 petang (b) 11.00 pagi – 11.00 malam

JADUAL KEEMPAT
(Peraturan 8 dan 10)

FI PEMERIKSAAN PEMATUHAN DAN BAYARAN LAIN

Bahagian 1

Notis diberikan kepada Lembaga oleh pengeksport atau pengimport tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang dijadualkan bagi pemeriksaan pematuhan.

Jenis keluaran pertanian	Kuantiti keluaran pertanian	Fi bagi pemeriksaan pematuhan yang dijalankan semasa hari bekerja Lembaga	Fi bagi pemeriksaan pematuhan yang dijalankan semasa hari kelepasan mingguan atau am
Sayur segar	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram tambahan atau sebahagiannya	RM 0.50	RM 1.00
Buah-buahan segar	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram tambahan atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Keratan bunga segar	500 tangkai pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 500 tangkai tambahan atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Kacang tanah	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram tambahan atau sebahagiannya	RM 0.50	RM 1.00
Kelapa	1000 biji pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 biji tambahan atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Biji kopi	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram tambahan atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Tebu	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram tambahan atau sebahagiannya	RM 0.50	RM 1.00

Bahagian 2

Notis diberikan kepada Lembaga oleh pengeksport atau pengimport kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang dijadualkan bagi pemeriksaan pematuhan.

Jenis keluaran pertanian	Kuantiti keluaran pertanian	Fi bagi pemeriksaan pematuhan yang dijalankan semasa hari bekerja Lembaga	Fi bagi pemeriksaan pematuhan yang dijalankan semasa hari kelepasan mingguan atau am
Sayur-sayuran segar	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Buah-buahan segar	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 4.00	RM 8.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
Keratan bunga segar	500 tangkai pertama atau sebahagiannya	RM 4.00	RM 8.00
	Tiap-tiap 500 tangkai tambahan atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
Kacang tanah	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00
Kelapa	1000 biji pertama atau sebahagiannya	RM 4.00	RM 8.00
	Tiap-tiap 1000 biji tambahan atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
Biji kopi	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 4.00	RM 8.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
Tebu	1000 kilogram pertama atau sebahagiannya	RM 2.00	RM 4.00
	Tiap-tiap 1000 kilogram atau sebahagiannya	RM 1.00	RM 2.00

Bahagian 3

Bayaran lain

Butir-butir	Fi
Fi tambahan bagi pemeriksaan pematuhan semasa bukan waktu bekerja	RM 5.00 sejam atau sebahagiannya bagi tiap-tiap pegawai diberi kuasa yang terlibat
Caj pengangkutan ke premis pengekspor bagi pemeriksaan pematuhan:	
(a) caj pengangkutan minimum bagi 100 km pertama dari pejabat utama atau mana-mana pejabat cawangan Lembaga	(a) RM 100.00
(b) caj pengangkutan selepas 101 km	(b) RM 0.70 sekilometer
Deposit bagi pemeriksaan pematuhan yang hendaklah dibayar semasa Notis pemeriksaan pematuhan dikemukakan, yang hendaklah dikembalikan jika pengekspor atau pengimport hadir pada masa yang dijadualkan bagi pemeriksaan pematuhan dan yang hendaklah dilucut hak jika pengekspor atau pengimport tidak hadir pada masa yang dijadualkan bagi pemeriksaan pematuhan:	
(a) semasa hari bekerja	(a) RM 50.00
(b) semasa hari kelepasan mingguan atau am	(b) RM 100.00

JADUAL KELIMA
(Peraturan 8 dan 10)

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PENGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN KELUARAN PERTANIAN) 2008

PERAKUAN PEMATUHAN KELUARAN PERTANIAN YANG DIEKSPORT/DIIMPORT*

BUTIR-BUTIR MENGENAI PENGEKSPORT/PENGIMPORT*	
Nama:	Alamat:
No. Pendaftaran / No. Perbadanan* :	No. Lesen: No. Permit:

No. Telefon:	No. Faks:		
BUTIR-BUTIR MENGENAI EKSPORT/IMPORT*			
Keluaran pertanian:		Negara asal:	
Pembungkus:		Tempat eksport/tempat import*:	
Cara pengangkutan: Udara* Laut* Jalan*		Destinasi*:	
PERAKUAN GRED			
Bil. lot	Bil. kotak	Gred	Anggaran berat

* Potong jika tidak berkenaan

Kami memperakui bahawa keluaran pertanian yang dinyatakan di atas telah digred, dibungkus dan dilabel mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

Dikeluarkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia.

Tarikh dan tempat dikeluarkan :

Nama pegawai diberi kuasa :

Tandatangan :

Dibuat 14 Julai 2008
[KP/LA/483/9 Jld. 5; PN(PU²)145/VI]

DATO' PADUKA HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN
Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Diluluskan 6 Ogos 2008
[KP/LA/483/9 Jld. 5; PN(PU²)145/VI]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani